

Tarikh Dibaca: 14 Mei 2021 | 02 Syawal 1442H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“ ISTIQAMAH SELEPAS RAMADHAN ”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“ISTIQAMAH SELEPAS RAMADHAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا فَلَا
خَوْفَ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٣﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian,

Bersempena hari Jumaat yang mulia ini, saya ingin berpesan kepada diri saya dan hadirin Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala laranganNya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan kita ini dengan nikmat, taufik dan hidayah yang berpanjangan serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

¹ Al-Ahqaf : 13

² Ali-Imran : 102



Pada hari ini, khatib ingin mengajak hadirin Jumaat sekalian untuk menghayati khutbah yang bertajuk **"ISTIQAMAH SELEPAS RAMADHAN"**

Muslimin yang berbahagia,

Ramadhan yang telah berlalu pastinya meninggalkan seribu satu kenangan terindah dalam diri kita semua. Masih terasa lagi keindahan kita berpuasa di siang hari dan bertarawikh di malamnya pula. Ditambah lagi dengan amalan tadarus Al-Quran, qiamullail dan lain-lain lagi. Itulah keistimewaan Ramadhan berbanding bulan-bulan lain.

Perasaan sedih meninggalkan Ramadhan dan harapan untuk bertemu lagi Ramadhan pada tahun hadapan merupakan fitrah jiwa orang yang cintakan amal soleh sepertimana dinyatakan oleh Mu'alla bin Al-Fadhl, salah seorang ulama tabi' tabiin berkata :

"Para salaf terdahulu, selama enam bulan sebelum datangnya Ramadhan, mereka berdoa agar Allah mempertemukan mereka dengan bulan Ramadhan. Kemudian, selama enam bulan sesudah ramadhan, mereka masih berdoa agar Allah menerima amalan mereka sepanjang bulan Ramadhan."

Oleh itu, sebagai tanda syukur kita dengan nikmat Bulan Ramadhan yang telah berlalu, marilah! kita pertingkatkan lagi amal-amal soleh kita seperti hadir ke masjid dan surau untuk solat berjemaah, mencintai majlis ilmu, bersedekah, membaca Al-Quran dan puasa sunat seperti puasa sunat 6 hari di bulan Syawwal.

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Ayyub al-Ansari Radhiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:



" مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ، كَانَ
كَصِيَامِ الدَّهْرِ "

“Sesiapa yang berpuasa Ramadan kemudian diiringinya dengan puasa enam hari di Bulan Syawwal, maka yang demikian itu seolah-olah berpuasa selama setahun.”

(Riwayat Muslim)

Oleh itu, sewajarnya semangat dan kesungguhan kita dalam mentaati perintah Allah sepanjang Ramadhan yang lalu diteruskan disepanjang hidup kita. Itulah matlamat Ramadhan yang sebenarnya untuk membentuk seseorang itu menjadi insan yang bertakwa.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Pada hari ini khatib ingin berkongsi panduan untuk kita semua terus istiqamah dengan amal soleh sepertimana yang dicapai di bulan Ramadhan. Antaranya adalah:

1. Sentiasalah ikhlas dalam setiap amalan yang kita lakukan. Persoalannya, mengapakah semangat kita beramal soleh pada bulan Ramadhan lebih hebat berbanding dengan keadaan kita di bulan yang lain? Adakah kita beramal hanya kerana disebabkan bulan Ramadhan? Sekiranya amal soleh yang kita lakukan ikhlas kerana Allah SWT, sepatutnya segala kebaikan tersebut kita istiqamah laksanakan sepanjang masa dalam kehidupan. Apabila kita istiqamah menambah amalan maka, akan bertambahlah keimanan.

2. Perbanyakkanlah berdoa kepada Allah SWT agar kita dikurniakan kekuatan untuk melakukan amal soleh dan dijauhkan daripada godaan iblis dan syaitan yang sentiasa menghasut kita untuk melakukan



maksiat. Rasulullah SAW sering berdoa sepertimana yang dinyatakan di dalam sebuah hadis apabila Syahr bin Hausyab Radhiallahu'anhu bertanya pada Ummu Salamah Radhiallahu'anha, isteri Rasulullah SAW tentang doa yang sering diucapkan oleh Rasulullah SAW ketika berada di rumahnya bersama Ummu Salamah Radhiallahu'anha. Lalu dijawabnya:

"كَانَ أَكْثَرُ دُعَائِهِ: يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ"

"Baginda (Nabi SAW) sering berdoa : Wahai Tuhan yang membolak-balikkan hati-hati, teguhkanlah hati ku di atas Agama-Mu.

(Riwayat Al-Tirmizi)

3. Berusahalah mencari sahabat yang suka melakukan kebaikan kerana mereka akan sentiasa mengajak kita melakukan kebaikan bahkan menegur kesalahan dan dosa yang kita lakukan. Berkaitan memilih sahabat yang baik dalam hidup ini, Abu Musa Al-Asyaari Radhiallahu'anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Perumpamaan sahabat yang baik dan teman yang jahat itu seperti penjual kasturi dan tukang besi, maka si penjual kasturi mungkin memberikan kasturi itu kepada kamu atau kamu dapat membelinya, atau kamu dapat mencium baunya yang wangi. Bagaimanapun si tukang besi mungkin membakar pakaianmu atau kamu dapat mencium baunya yang busuk".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

4. Hayatilah sirah para nabi, rasul-rasul Alaihimussolatuwassalam dan kehidupan para sahabat Rasulullah Ridhwanullahi'alaihim. Mencontohi perjuangan mereka yang sentiasa istiqamah di jalan kebenaran. Mereka bukan sahaja diuji dengan kesusahan bahkan dihina, dicaci, dipulau dan lain-lain dugaan tetapi



segala ujian tersebut tidak melunturkan keimanan mereka sebaliknya mereka tetap teguh mentaati perintah Allah SWT.

5. Mulakanlah amal soleh secara berperingkat tetapi berterusan. Bermula dengan jumlah yang sedikit kepada jumlah yang banyak. Dari Aisyah Radhiallahu'anha, beliau mengatakan bahawa Rasullulah SAW bersabda:

وَأَنَّ أَحَبَّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ أَدْوَمُهَا وَإِنْ قَلَّ

"Bahawa sesungguhnya amalan yang paling disukai oleh Allah SWT ialah amalan yang berterusan walaupun sedikit."

(Riwayat Al-Bukhari)

Sebagai contohnya, mulakanlah amalan membaca Al-Quran dengan jumlah yang sedikit dan ringan. Begitu juga amalan puasa sunat, mulakanlah dengan puasa sunat pada hari Isnin atau Khamis. Lakukanlah secara berterusan tanpa jemu sehingga akhirnya kita dapat melazimi segala ibadah tersebut.

Menurut satu kaedah Fiqh dinyatakan bahawa :

مَا لَا يُدْرِكُ كُلَّهُ، لَا يُتْرَكُ كُلُّهُ

"Jika tidak mampu mengerjakan semua, maka janganlah meninggalkan semuanya."

Hadirin Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan pedoman hidup kita:



1. Umat Islam hendaklah berusaha untuk mengikhlaskan hati dalam beramal di sepanjang kehidupan.
2. Umat Islam hendaklah menguatkan hubungan dengan Allah SWT dengan memperbanyakkan doa agar diperkuatkan hati supaya istiqamah melaksanakan syariat Allah SWT.
3. Umat Islam hendaklah menghayati sirah perjuangan para Nabi dan sahabat Rasulullah Ridhwanullahi'alaihim yang bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah Allah SWT demi mempertahankan aqidah dan Agama Allah SWT.
4. Setiap muslim hendaklah bersegera melakukan amal soleh dan jangan bertangguh. Kerana sikap bertangguh membuka pintu kegagalan dan godaan syaitan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ
وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

“Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa;”

(Surah Ali Imran: 133)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا
اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat kepada Allah SWT. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19. Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Kita juga tidak perlu gusar dan ragu-ragu lagi apabila menerima suntikan tersebut. Perkara ini telah diperhalusi dan diperbincangkan untuk menetapkan hukum keharusannya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke 118 yang bersidang pada 16 hingga 17 Februari 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah bersidang pada 9 Mac 2021.



Muslimin yang berbahagia,

Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi S.O.P dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.

Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firmanNya :

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ،
وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ
الدِّينِ. وَأَنْصِرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنِ



عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَعَكَوْا امِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
اَللّٰهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hambaMu yang sentiasa meninggikan kalimah dan AgamaMu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina AgamaMu.

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢٠٢﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.